

**Bil. 26**

**Isnin**

**15 Julai 2019**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **'Zero Reject Policy' dan 'Pekeliling Penglibatan Ibu Bapa Secara Sukarela di Bilik Darjah**  
- *YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)* [Halaman 1]
  
- **Pertanyaan Mengenai Gabungan Perniagaan Axiata-Telenor ASA**  
- *YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)* [Halaman 4]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 15 Julai 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**'Zero Reject Policy' dan 'Pekeliling Penglibatan Ibu Bapa  
Secara Sukarela di Bilik Darjah'**

**2.43 ptg.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Timbalan Menteri Pendidikan kerana sudi datang memberi jawapan kepada ucapan saya berkaitan dengan pendidikan inklusif. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan keutamaan kepada implementasi pendidikan inklusif di peringkat kebangsaan menerusi dua polisi penting. Dua polisi penting yang disebut adalah '*Zero Reject Policy*' dan '*Pekeliling Penglibatan Ibu Bapa Secara Sukarela di Bilik Darjah*'. Namun, tahap toleransi pendidik yang rendah terhadap murid-murid berkelainan upaya akan menyumbang secara langsung terhadap ketidakberjayaan dua polisi yang disebut tadi.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meneliti dan menilai tahap toleransi para pendidik terhadap murid-murid berkelainan upaya, terutamanya di sekolah kurang murid. Sekolah kurang murid sepatutnya memiliki tahap toleransi yang lebih tinggi berbanding sekolah-sekolah lain disebabkan '*enrolment*' murid yang rendah. Sekiranya tahap toleransi pendidik didapati tidak memuaskan, apakah tindakan pembetulan yang akan diambil untuk membendung perkara ini daripada berulang. Terima kasih.

#### 2.44 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah terhadap keprihatinan beliau membangkitkan isu berkaitan Tahap Toleransi Pendidik Yang Rendah Terhadap Murid-murid Berkelainan Upaya.

KPM telah melaksanakan Dasar Sifar Penolakan (*Zero-reject Policy*), dengan izin, secara menyeluruh bagi murid berkeperluan khas (MBK). Hal ini bagi memastikan tiada murid dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) dinafikan daripada memasuki alam persekolahan.

Bagi memantapkan kualiti warga pendidik termasuklah meningkatkan tahap toleransi ke atas MBK, pihak pengurusan sekolah diberi autonomi untuk melaksanakan pembangunan profesionalisme guru secara berterusan berdasarkan keperluan sekolah sama ada melalui pendekatan bersemuka, dalam talian (*online*), dengan izin, ataupun *blended learning* dengan izin. Hal ini amat penting untuk membangunkan tahap keilmuan dan kepakaran guru melalui peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan kepakaran dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP), kepimpinan dan pentadbiran serta kepakaran bidang khusus pendidikan seperti bidang pendidikan khas.

Untuk makluman, KPM melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah mengambil beberapa langkah melalui pemantapan kurikulum pendidikan guru sama ada dalam kursus pra perkhidmatan mahupun kursus dalam perkhidmatan iaitu:

- (i) IPGM telah memasukkan elemen Pendidikan Khas dalam semua kursus Asas Pendidikan, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP). Melalui kursus ini semua guru pelatih akan didedahkan dengan elemen asas pendidikan khas supaya semua guru pelatih mempunyai pengetahuan tentang pendidikan khas dan bersedia menerima murid pendidikan khas apabila mereka ditempatkan di sekolah kelak;
- (ii) Kursus Pendidikan Inklusif telah dijadikan sebagai satu bidang ataupun kursus wajib yang terkandung dalam Struktur Kursus PISMP. Melalui kursus ini, semua guru pelatih akan diberi pengetahuan secara lebih mendalam tentang Pendidikan Khas supaya mereka bersedia untuk mengajar murid pendidikan khas seiring dengan dasar PPPM iaitu mengimplementasikan pendidikan inklusif dalam Dasar Pendidikan Negara;

- (iii) selain daripada itu, IPGM juga melatih guru-guru pra perkhidmatan dalam bidang Pendidikan Khas iaitu bidang Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan.

Sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 735 buah sekolah kurang murid (SKM) yang mempunyai murid berkeperluan khas (MBK) dan tiada aduan tentang penolakan terhadap MBK yang diterima di SKM. Di peringkat negeri dan daerah, KPM mempunyai Unit Pendidikan Khas di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan pegawai pendidikan khas di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang berperanan secara langsung untuk memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada pihak pengurusan sekolah, guru-guru dan ibu bapa MBK bagi menjayakan Dasar Sifar Penolakan (ZRP).

KPM amat mengalu-alukan pelibatan ibu bapa ataupun penjaga dan komuniti sebagai rakan strategik sekolah melalui Inisiatif nombor 62 Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta (PIBKS) selaras dengan hasrat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025. Sehubungan dengan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2018: Garis Panduan Pelibatan Ibu Bapa, Penjaga dan Komuniti sebagai Sukarelawan di Dalam Kelas (SdK) bertujuan memberi panduan kepada sekolah tentang pelaksanaan pelibatan ibu bapa, penjaga dan komuniti membantu guru semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Pelibatan SdK yang merangkumi peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah termasuk sekolah pendidikan khas dan program pendidikan khas integrasi dilaksanakan secara pilihan oleh sekolah bergantung kepada kesesuaian dan keperluan sekolah. Konsep SdK melibatkan pengintegrasian sumbangan dari segi kepakaran bidang masing-masing namun masih tertakluk kepada etika profesionalisme keguruan semasa proses PdP.

Bagi membantu masyarakat khususnya ibu bapa MBK, KPM telah menyediakan saluran bagi sebarang aduan berkaitan pendidikan khas khususnya Dasar Sifar Penolakan melalui laman web iaitu <http://moe.spab.gov.my> atau e-mel: [aduan.bpkhas@moe.gov.my](mailto:aduan.bpkhas@moe.gov.my).

Kesimpulannya, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha termasuk menambah baik tahap toleransi warga pendidik untuk memastikan tiada murid dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) dinafikan daripada memasuki alam persekolahan dan memastikan golongan ini mendapat hak pendidikan yang sama seperti murid yang lain. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

■1450

**Pertanyaan Mengenai Gabungan Perniagaan Axiata-Telenor ASA****4.50 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan satu usul ataupun satu pertanyaan mengenai Gabungan Perniagaan Axiata-Telenor ASA dan berdasarkan kenyataan Axiata Berhad kepada Bursa Malaysia, perjanjian yang akan dimeterai antara dua entiti tersebut akan menyaksikan Telenor ASA memiliki pegangan saham terbesar iaitu sebanyak 56.5 peratus berbanding Axiata 43.5 peratus dan kedua-dua entiti tersebut akan bernaung di bawah MergedCo.

Soalan saya kepada kementerian adalah, apakah faktor ekonomi yang mendorong kepada gabungan operasi perniagaan kedua-dua entiti telco ini? Adakah gabungan itu akan menjadikan MergedCo sebagai sebuah empayar telco bertaraf global di mana kekurangan dari aspek perkhidmatan dan harga internet dapat ditambah baik secara berterusan?

Soalan kedua yang saya hendak utarakan adalah, apakah jaminan kementerian dalam memastikan tidak ada seorang pun staf tempatan yang terkesan daripada gabungan perniagaan tersebut? Saya juga ingin meminta Menteri Komunikasi dan Multimedia untuk menyatakan strategi jangka panjang yang akan dilaksanakan melalui gabungan tersebut dalam memastikan elemen teknologi seperti 5G dan *artificial intelligence* (AI) diangkat menjadi pemangkin pembangunan ekonomi dan perniagaan tempatan. Sekian, terima kasih.

**2.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Dr. Noraini binti Ahmad, Ahli Parlimen Parit Sulong di atas soalan ataupun usul yang dibangkitkan iaitu pertanyaan yang berkaitan mengenai gabungan perniagaan di antara telco Axiata dan juga Telenor ASA. Kementerian ini, KKMM, memandang positif cadangan kerjasama strategik antara Axiata Group dengan syarikat telekomunikasi antarabangsa Telenor ASA (Telenor) terutama dari aspek kemajuan teknologi komunikasi yang boleh memberi manfaat kepada Negara.

Cadangan penggabungan ini juga dijangka akan meningkatkan kecekapan pengurusan sumber-sumber perniagaan dan seharusnya dapat memberi faedah kepada industri telekomunikasi secara keseluruhannya. Peningkatan kecekapan melalui skala dan skop yang

lebih besar ini juga akan memberi peluang kepada penerokaan pasaran baharu dan seterusnya meningkatkan keupayaan syarikat untuk bersaing dengan syarikat telekomunikasi yang bertaraf dunia.

Menurut pengumuman oleh kedua-dua pihak yang terbabit, cadangan penggabungan ini tidak akan melibatkan pembuangan pekerja, melainkan kakitangan berkenaan ditawarkan skim pemisahan sukarela ataupun dengan izin, *voluntary separation scheme* (VSS). Hasil dari cadangan penggabungan ini juga adalah cadangan penubuhan pusat inovasi yang terbesar di rantau ini untuk membangunkan produk-produk teknologi terkini seperti IoT (*internet of things*), AI (*artificial intelligence*), robotik dan 5G pada harga yang lebih berdaya saing di samping melahirkan bakat-bakat bertaraf global.

Walau bagaimanapun, sehingga kini, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) masih belum menerima sebarang permohonan dari pihak terbabit dan dimaklumkan bahawa cadangan tersebut masih di peringkat awal perbincangan.

Jawapan berkenaan Teknologi 5G dan *artificial intelligence* (AI) berkaitan dengan usul yang dibangkitkan, walaupun perancangan untuk pelaksanaan 5G di Malaysia pada ketika ini masih di peringkat awal, ia tetap menjadi salah satu fokus utama kerajaan agar Malaysia dapat selari dengan negara lain dalam mendapat manfaat daripada kelebihan yang boleh ditawarkan oleh teknologi 5G nanti.

Tidak dapat dinafikan bahawa persaingan yang wujud akan memberikan tekanan kepada pemain industri untuk mendapat pulangan secara berterusan agar terus wujud dan kekal relevan di dalam industri. Ini ditambah pula dengan saiz sektor telekomunikasi di Malaysia yang kecil, sumber spektrum yang terhad serta pelaburan tinggi yang diperlukan bagi menyediakan infrastruktur rangkaian. Sehubungan dengan itu, penggabungan di antara pemain industri merupakan salah satu strategi perniagaan bagi memastikan pihak yang terlibat kekal relevan.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kerajaan, isu penggabungan adalah suatu keputusan komersil di antara entiti perniagaan berdasarkan pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak berkenaan. Tugas kerajaan dalam konteks ini adalah untuk memastikan pemain industri terus kekal bersaing secara sihat bagi kepentingan pengguna. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan persekitaran yang konsisten dan stabil serta mesra perniagaan melalui peraturan-peraturan dan kawal selia yang telus.

Kementerian melalui SKMM juga tidak bercadang untuk menghadkan pemain industri untuk hanya wujud di peringkat nasional, malahan kita menggalakkan pemain industri untuk mengembangkan sayap mereka ke peringkat antarabangsa sepertimana yang dilakukan oleh Axiata dan Maxis atau Petronas yang wujud di beberapa negara lain. Dari segi penambahbaikan,

kita telah mempunyai peraturan-peraturan atau kerangka kawal selia sedia ada yang diguna pakai ke atas semua pemain industri untuk memantau situasi berkenaan. Malahan, kementerian melalui SKMM sentiasa berusaha untuk memastikan perkara sewajarnya akan diambil untuk menambah baik perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna.

Pada masa sekarang, Pasukan Petugas Khas 5G sedang meneliti kes kepenggunaan yang boleh ditambah baik dengan adanya Teknologi 5G dan impak terhadap ekonomi negara. Sesuatu laporan akan dihasilkan oleh pasukan petugas berserta syor-syor dan cadangan yang berkaitan untuk pertimbangan kerajaan. Fokus pasukan petugas itu bukan hanya terhadap kepada impak ekonomi mahupun penyediaan infrastruktur, ia turut mencakupi isu keselamatan dan spektrum. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 16 Julai 2019.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.00 petang]***